



1 Mac 2022
1 March 2022
P.U. (A) 39

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (PROGRAM TELEVISYEN) (JABATAN PENYIARAN MALAYSIA) 2022

FEES (TELEVISION PROGRAMME) (DEPARTMENT OF BROADCASTING MALAYSIA) ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PROGRAM TELEVISYEN)
(JABATAN PENYIARAN MALAYSIA) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Program Televisyen) (Jabatan Penyiaran Malaysia) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2022.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia.

Fi dan pembayaran

3. (1) Fi yang ditetapkan dalam ruang (2) dan (3) Jadual hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah bagi pembekalan program televisyen mengikut kategori yang dinyatakan dalam ruang (1) dan hendaklah dikenakan mengikut jam bagi setiap siaran program televisyen.

(2) Fi yang ditetapkan dalam ruang (4) Jadual hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah bagi pembekalan program televisyen mengikut kategori yang dinyatakan dalam ruang (1) dan hendaklah dikenakan mengikut jam bagi setiap program televisyen.

Remitan

4. Ketua Pengarah boleh meremitkan fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian atau secara am atau dalam mana-mana kes atau kelas kes yang tertentu.

JADUAL

[Perenggan 3]

1. Bagi maksud Jadual ini, “program televisyen bagi siaran terhad” ertinya suatu program televisyen yang disiarkan secara berulang kali di dalam suatu bangunan, premis atau pengangkutan awam.
2. Fi yang dikenakan bagi pembekalan program televisyen adalah seperti yang berikut:

(1) Kategori program televisyen	(2) Pembekalan program televisyen bagi siaran komersial (bagi setiap siaran bagi setiap jam)	(3) Pembekalan program televisyen bagi siaran bukan komersial (bagi setiap siaran bagi setiap jam)	(4) Pembekalan program televisyen bagi siaran terhad (bagi setiap program bagi setiap jam)
	Fi (RM)		
1. Hiburan	5,400.00	540.00	3,780.00
2. Drama	6,750.00	675.00	4,725.00
3. Telefilem	10,800.00	1,080.00	7,560.00
4. Dokumentari	2,000.00	675.00	1,400.00
5. Kanak-kanak	5,400.00	540.00	3,780.00
6. Bicarawara	2,000.00	200.00	1,400.00
7. Hal ehwal semasa atau siaran pagi	13,500.00	1,350.00	9,450.00
8. Siaran langsung, ucapan atau perasmian	13,500.00	1,350.00	9,450.00